



Analisis Hadis Bab *Wa Waṣṣaynā al-Insāna bi Wālidayhi Ḥusnā* dalam Kitab *al-Adab al-Mufrad* Karya Abū ‘Abd Allāh Muḥammad Ibn Ismā‘īl al-Bukhārī (810-870 M.)


Hadīths Analysis on Chapter Wa Waṣṣaynā al-Insāna bi Wālidayhi Ḥusnā in al-Adab al-Mufrad by Abū ‘Abd Allāh Muḥammad Ibn Ismā‘īl al-Bukhārī (810-870 CE)

Abur Hamdi Usman  , Mohd Norzi Nasir   & Mutsalim Khareng  


To cite this article:

Usman, A. H., Nasir, M. N. & Khareng, M. (2025). Analisis hadis bab *Wa Waṣṣaynā Al-Insāna Bi Wālidayhi Ḥusnā* dalam kitab *al-Adab Al-Mufrad* karya Abū ‘Abd Allāh Muḥammad Ibn Ismā‘īl al-Bukhārī (810-870 M.). *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 10(1), 1408-1421. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v10i1.503>

To link this article:

 <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v10i1.503>

Full Terms & Conditions of access and use can be found at:

 <https://al-irsyad.uis.edu.my/index.php/alirsyad/open>

 Published online: 11 April 2025

 Submit your article to this journal:
<https://al-irsyad.uis.edu.my/index.php/alirsyad/about/submissions>

 View related articles:
<https://al-irsyad.uis.edu.my/index.php/alirsyad/issue/archive>



Disclaimer

The views expressed in this article are those of the author. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues* shall not be liable for any loss, damage or other liability caused by / arising from the use of the contents of this article.

Analisis Hadis Bab *Wa Waṣṣaynā al-Insāna bi Wālidayhi Ḥusnā* dalam Kitab *al-Adab al-Mufrad* Karya Abū ‘Abd Allāh Muḥammad Ibn Ismā‘īl al-Bukhārī (810-870 M.)

[*Hadiths Analysis on Chapter Wa Waṣṣaynā al-Insāna bi Wālidayhi Ḥusnā in al-Adab al-Mufrad by Abū ‘Abd Allāh Muḥammad Ibn Ismā‘īl al-Bukhārī (810-870 CE)*]

Abur Hamdi Usman ¹, & Mohd Norzi Nasir ^{*} & Mutsalim Khareng ²

¹ Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS), Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, MALAYSIA.

² Princess of Naradhiwas University (PNU), 8 Khok Khian, Mueang Narathiwat District, Narathiwat 96000, THAILAND.

* Corresponding Author: Mohd Norzi Nasir. Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS), Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia. mohdnorzi@uis.edu.my (+60) 17-544 4487. ORCID iD: <https://orcid.org/0000-0003-0735-0428>.

Keywords:

Adab, Akhlāq, al-Adab al-Mufrad, al-Bukhārī, Parents.

ABSTRACT

Adab and akhlāq in the perspective of Islam hold a high and noble position in the eyes of Allah and His Messenger, and in the view of all creatures. However, most Muslims take an indifferent attitude towards these matters, treating them as if they are peripheral and distant from the religion. Observing this scenario, the restoration of identity needs to be strengthened by understanding the teachings of the Prophet (PBUH) through his sayings on manners contained in the works of prominent scholars, whether in specific books or detailed discussions globally or specifically. This paper analyse the prolific figure and renowned hadith scholar, Imam al-Bukhārī, who wrote a special chapter in Kitāb al-Adab within his work al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ. More specifically, al-Bukhārī authored another separate book presenting hadiths on manners titled al-Adab al-Mufrad. Hence, this study applies a qualitative method with a content analysis design to elaborate and explore in detail selected hadiths related to the command to do good to parents. The findings show that most of the hadiths in al-Adab al-Mufrad are authentic, thābit and maḥfūz. Although there are weak hadiths, their number is small and not in the category of very weak hadiths. Therefore, it does not tarnish the credibility of the author and the esteemed status of al-Adab al-Mufrad in society. As for the chapter Wa Waṣṣaynā al-Insāna bi Wālidayhi Ḥusnā, it is identified that both hadiths are Ṣaḥīḥ (authentic) and Ḥasan (good).

Contribution: The paper highlights that numerous authentic hadiths emphasize the importance of treating parents with respect and kindness. This is a core value in Islam that has been validated through the works of renowned scholars like Imam al-Bukhārī. In summary, the paper's exploration of hadiths on parental respect and good character, along with its practical applications, aligns well with the focus on promoting Islamic values and addressing contemporary social challenges.

Kata Kunci:

Adab, Akhlak, *al-Adab al-Mufrad*, al-Bukhārī, Ibu Bapa

ABSTRAK

Adab dan ahlak dalam perspektif Islam memiliki kedudukan yang tinggi dan mulia di sisi Allah SWT dan Rasul-Nya malah pada pandangan seluruh makhluk. Namun kebanyakan umat Islam mengambil sikap acuh tidak acuh terhadap perkara ini dan menjadikan ia seakan-akan bahagian luar dan jauh daripada agama. Melihat kepada senario yang berlaku, pengembalian jati diri perlu diperkasa dengan memahami gagasan Nabi SAW melalui sabda Baginda SAW tentang adab yang termuat dalam karya ulama tersohor sama ada di dalam kitab khusus atau pembahasan tersendiri secara global mahupun terperinci. Artikel ini menganalisis tokoh prolifk dan ilmuwan hadis tersohor, iaitu Imam al-Bukhārī Rahimahullah yang menulis sebuah bab khusus dalam *Kitāb al-Adab* di dalam *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ* karangan beliau. Lebih khusus lagi apabila al-Bukhārī mengarang sebuah kitab lain yang berasingan dengan mengemukakan hadis-hadis khusus berkaitan adab bertajuk *al-Adab al-Mufrad*. Melalui kajian ini penulis mengaplikasikan metode kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan dengan menghurai dan meneroka secara terperinci hadis-hadis terpilih berkaitan perintah berbuat baik kepada ibu bapa. Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan hadis yang terdapat dalam *al-Adab al-Mufrad* merupakan hadis yang sahih, *thābit* dan *mahfūz*. Meskipun terdapat hadis yang daif, tetapi jumlahnya sedikit dan bukan dalam katogeri hadis yang sangat lemah (*ḍa'if jiddan*). Oleh yang demikian, ia sama sekali tidak mencalarakan kewibawaan penulisnya dan ketinggian kitab *al-Adab al-Mufrad* sehingga dapat dimasyarakatkan dalam kehidupan seharian. Adapun pada bab *Wa Waṣṣaynā al-Insāna bi Wālidayhi Ḥusnā* didapati kedua-dua hadis berstatus *Ṣaḥīḥ* dan *Ḥasan*.

Sumbangan: Artikel ini menonjolkan bahawa terdapat banyak hadis sahih yang menekankan kepentingan menghormati dan berbuat baik kepada ibu bapa. Ini adalah nilai asas dalam Islam yang telah disahkan melalui karya-karya sarjana terkenal seperti Imam al-Bukhārī. Ringkasnya, penerokaan artikel ini terhadap hadis-hadis mengenai penghormatan kepada ibu bapa dan akhlak yang baik, serta aplikasi praktikalnya, selaras dengan fokus pada mempromosikan nilai-nilai Islam dan menangani cabaran sosial kontemporari.

ARTICLE HISTORY

Received: February 03, 2025

Revised: March 12, 2025

Accepted: March 14, 2025

Available Online: April 11, 2025

Published: June 10, 2025

This is an open access article under the CC BY-NC license.



To cite this article:

Usman, A. H., Nasir, M. N. & Khareng, M. (2025). Analisis hadis bab *Wa Waṣṣaynā Al-Insāna Bi Wālidayhi Ḥusnā* dalam kitab *al-Adab Al-Mufrad* karya Abū 'Abd Allāh Muḥammad Ibn Ismā'īl al-Bukhārī (810-870 M.). *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 10(1), 1408-1421. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v10i1.503>

I. PENDAHULUAN

Allah SWT memerintahkan hamba-Nya agar berbuat baik kepada kedua ibu bapa dan mentaati mereka selagi perkara yang diperintahkan tidak bercanggah dengan syarak. Perintah ini kerana ibu bapa telah mencurahkan jasa bakti yang amat besar kepada anak-anak sehingga berkorban nyawa, tenaga dan harta. Kedudukan ibu bapa di sisi Allah SWT amat tinggi sehingga Allah SWT meletakkan perintah berbuat baik kepada ibu bapa selepas perintah tidak menyembah selain daripada Allah SWT dan mensyirikkan-Nya dengan sesuatu apa pun. Kewajipan menjaga dan berbuat baik terhadap ibu bapa merupakan salah satu elemen penting yang perlu dibincangkan sebagai salah satu tanggungjawab seorang anak (Khan, 2009). Terdapat banyak ayat al-Quran yang menyentuh tentang kewajipan seorang anak kepada ibu bapa serta adab yang mesti dijaga ketika bersama mereka. Allah SWT berfirman dalam surah al-Isrā' [17] ayat 23:

﴿وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۖ إِمَّا يَبُلُغَنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا آفٍ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا ﴿٢٣﴾﴾

Maksudnya:

Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang daripada keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaannya, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekali pun perkataan Ha, dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun).

Ketika mentafsirkan ayat di atas, Haji Abdul Malik Karim Amrullah atau HAMKA salah seorang tokoh tafsir al-Quran yang berpengaruh di Rantau Nusantara menyatakan bahawa cuba fahami dan perhatikan tentang kewajipan berkhidmat, bersikap baik, dan berbudi mulia kepada ibu bapa. Harta benda dan anak keturunan kerap menjadi fitnah bagi manusia dalam perjuangan hidup. Pengabaian terhadap khidmat penjagaan ibu bapa sering dilihat berlaku apabila seseorang anak berumah tangga dan mempunyai zuriat. (HAMKA, 1981). Justeru dalam ayat di atas Allah SWT meneruskan ketentuan atau perintah tentang bersikap baik terhadap kedua-duanya.

Menyedari hakikat peri penting berbuat baik kepada ibu bapa, berbakti kepada mereka bukanlah sesuatu yang ringan dan mudah serta memerlukan pengorbanan yang besar. Menjaga hubungan baik terhadap mereka dapat dicapai menerusi sifat empati iaitu tidak melakukan sesuatu yang tidak disukai, dengan menjaga akhlak dan adab (Wazir et al., 2020). Sehubungan dengan itu, Islam menawarkan ganjaran pahala yang amat besar bagi setiap anak yang berjaya melaksanakannya. Tambahan pula seseorang yang sempat bersama atau berbakti kepada kedua ibubapanya merupakan orang yang sangat bertuah dan beruntung. Hal ini kerana, Nabi SAW pernah menyatakan orang yang hina adalah orang yang sempat bersama ibu bapanya tetapi kesempatan yang ada itu tidak membolehkan dia untuk dimasukkan ke dalam syurga. Menurut Abū Zakariyyah Muḥy al-Dīn Yaḥyā ibn Sharaf al-Nawawī (1233-1278 M.), berbakti kepada ibu bapa ketika mereka telah memasuki fasa keuzuran dengan cara berkhidmat menjaga dan memberikan nafkah atau perkara yang seumpama merupakan sebab seorang anak masuk ke dalam syurga. Sesiapa yang leka daripada perkara ini maka ia terlepas peluang daripada memasuki syurga dan Allah SWT menghinakan 'hidung'nya (dirinya) (al-Nawawī, 1996/16: 84). Terdapat banyak hadis yang menunjukkan perkara ini, antaranya sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ رَغِمَ أَنْفُ ثُمَّ رَغِمَ أَنْفُ ثُمَّ رَغِمَ أَنْفُ قِيلَ مَنْ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ مَنْ أَدْرَكَ أَبَوَيْهِ عِنْدَ الْكِبَرِ أَحَدَهُمَا أَوْ كِلَيْهِمَا فَلَمْ يَدْخُلِ الْجَنَّةَ

[Muslim, *Kitab al-Bir wa al-Ṣila wa al-Ādāb, Bāb Raghima Anf Man Adraka Abawayh aw Aḥadaḥumā 'ind al-Kibar fa lam Yadhkhul al-Jannah*, No. 2551]

Maksudnya:

“Daripada Abū Hurairah RA, daripada Nabi SAW telah bersabda: “Kehinaan, kehinaan, kehinaan.” Baginda SAW ditanya: “Siapa (yang engkau maksudkan) wahai Rasulullah?” Rasulullah SAW telah menjawab: “Siapa

sahaja yang mempunyai ibu bapa ketika sudah lanjut usia, salah satu atau kedua-duanya namun tidak (menjadikannya sebab) masuk syurga”.

Pendidikan adab kekal relevan dan terus menjadi penting kerana wujudnya sesetengah pihak yang mengambil enteng dan meremehkannya (Mamat, 2019). Senario sosial kalangan anak muda ketika ini digambarkan agak membimbangkan dengan pelbagai anasir negatif yang semakin berkembang dan menular. Unsur-unsur yang mencalarakan imej agama sering juga didengari dan dibaca di paparan media. Situasi ini menimbulkan rasa bimbang kepada ibu bapa, kerana mustahil bagi mereka tergamak untuk melihat anak-anak gagal sebagai seorang muslim yang tidak mampu menghayati ajaran agama dengan baik. Justeru itu, selain didikan dalam aspek kerohanian seperti solat, ibu bapa berkewajipan memberikan asuhan akhlak yang murni kerana ia cerminan dari dalam diri seseorang yang mempunyai ilmu dan adab (Abd Majid et al., 2023). Rasulullah SAW pernah memberitahu bahawa ‘hadiah terbaik’ yang diberikan oleh seorang ayah kepada anaknya ialah pendidikan adab. Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ أَيُّوبُ بْنُ مُوسَى عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَا نَحَلَ وَالِدٌ وَلَدًا مِنْ نَحْلٍ أَفْضَلَ مِنْ أَدَبٍ حَسَنٍ

[al-Tirmidhī, *Kitab al-Bir wa al-Şila ‘an Rasūlillah SAW, Bāb Mā Jā’a fī Adab al-Walad*, No. 1952, *Gharīb*]

Maksudnya:

“Daripada Ayyūb ibn Mūsā, daripada ayahnya, daripada datuknya bahawa Rasulullah SAW telah bersabda: “Tiada pemberian seorang bapa terhadap anak-anaknya yang lebih baik daripada adab yang mulia.”

Mutakhir ini dunia menyaksikan penderhakaan terhadap kedua-dua ibu bapa menjadi fenomena biasa dalam masyarakat seperti herdikan, cacian, pemuluan dan sampai ke peringkat membunuh. Walhal dalam Islam, menderhaka kepada ibu bapa dianggap sebagai salah satu dosa besar (*al-kabā’ir*) (Kadir, Sai, & Majid, 2013). Berdasarkan laporan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia terbitan *Lancet Global Health*, sejumlah 34.7 peratus warga tua yang berusia melebihi 60 tahun mengalami pelbagai bentuk penderaan dan pengabaian. Angka ini dijangka terus meningkat seiring peningkatan kadar warga tua dunia dan juga kepesatan revolusi industri 4.0. Kajian Salleh, Abdullah dan Hussin (2021) mendapati bahawa 60 peratus faktor pengabaian warga tua adalah berpunca dari anak-anak dewasa atau penjaga. Konsep pengabaian warga emas boleh dikategorikan sebagai pengabaian terhadap hak penjagaan mereka terutama dari segi ubat-ubatan, keselesaan tempat tinggal, kesihatan dan yang merangkumi hal berkaitan warga emas. Dalam erti kata lain, pengabaian ini juga dimaksudkan dengan keengganan anak-anak untuk menjaga warga emas yang kadangkala sampai kepada tahap mencederakan fizikal warga tua itu sendiri (Dahlan & Hamzah, 2023). Sudah pasti orang yang memahami isyarat daripada al-Quran tentang kewajipan berbakti kepada ibu bapa tidak akan melakukan perkara seumpama ini.

Isu peningkatan populasi warga tua dunia dan peningkatan kes penderaan serta pengabaian turut menjadi perbincangan utama di seluruh dunia. Anggaran sekitar 675,000 orang atau hampir 30 peratus warga emas di Malaysia mengalami isu pengabaian dan jumlah ini akan meningkat seiring dengan peningkatan populasi warga emas sebanyak 24 peratus di negara Asia menjelang tahun 2050 (Dahlan & Hamzah, 2023). Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melalui Resolusi Perhimpunan (Resolusi 46/91) pada 16 Disember 1991 memandang serius perkara ini dan menyediakan suatu resolusi tindakan untuk dunia menghadapi keadaan ini agar hak warga tua terbela dan dilindungi. Terdapat 18 prinsip yang digariskan di bawah lima tema utama perlindungan warga emas, iaitu kebebasan, penyertaan, penjagaan, kepuasan diri dan maruah. Prinsip dan tema ini menjadi panduan kebanyakan negara dunia untuk mendepani isu warga tua termasuklah Malaysia. Malaysia memandang serius perkara ini dengan mengambil langkah untuk membendung masalah ini daripada berleluasa dengan mewujudkan Dasar Warga Emas Kebangsaan (DWTEK) pada tahun 1995. Dasar ini dibentuk berpandukan 11 resolusi, pelan tindakan, strategi dan garis panduan daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu termasuklah *Principle for Older People* 1991 (Resolusi 46/91) pada 16 Disember 1991 (Mat Salleh, Mat Hussin, & Hj Abdullah, 2022). Oleh itu, terdapat keperluan untuk menggubal satu undang-undang yang khusus kepada warga emas di Malaysia berbanding hanya merujuk kepada Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521), Kanun Keseksaan, dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 yang jelas menunjukkan terdapat lakuna yang masih perlu ditambah baik agar ia boleh digunakan secara menyeluruh untuk menjamin hak warga emas di Malaysia. Malah, kes-kes pengabaian dan penderaan warga emas yang

berlaku juga menunjukkan bahawa undang-undang di Malaysia masih perlu ditambahbaik agar lebih bersedia dalam menuju negara tua pada masa akan datang (Samudin & Bakar, 2023).

Apabila isu akhlak menjadi permasalahan yang sangat penting mutakhir ini, maka para ulama klasik hingga kontemporari banyak meluangkan masa dengan mengajar dan menulis kitab yang mengandungi perbincangan adab. Menurut Abd. Rahman dan Ismail (2020) yang menukil penulisan Y. Mohamed, Abū ‘Alī Aḥmad ibn Muḥammad ibn Ya‘qūb Miskawayh al-Khāzin (932-1030 M.) merupakan ahli falsafah Arab pertama yang telah menulis dalam bidang akhlak. Manakala *magnum opus* Miskawayh yang bertajuk *Tahdhīb al-Akhlāq* pula telah memberikan pengaruh besar kepada pembentukan falsafah akhlak Islam. Selain *Tahdhīb al-Akhlāq*, antara kitab yang sangat berharga ialah karya Abū ‘Abd Allāh Muḥammad ibn Ismā‘īl al-Bukhārī (810-870 M.) bertajuk *al-Adab al-Mufrad*, yang secara literal bermaksud (kitab adab yang tersendiri). Kitab ini disusun secara berasingan daripada kitab *al-Ṣaḥīḥ*nya bertujuan untuk menyenaraikan semua hadis dan *athar* yang sangat bermanfaat dalam membimbing manusia supaya beradab. Kitab ini sangat istimewa sehingga mendapat pujian oleh Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī (1372-1449 M.) dengan katanya (Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, 2005):

كتاب الأدب المفرد يشتمل على أحاديث زائدة على ما في الصحيح وفيه قليل من الآثار الموقوفة وهو
كثير الفائدة

“Kitab *al-Adab al-Mufrad* mengandungi hadis-hadis tambahan yang terdapat dalam *al-Ṣaḥīḥ*. Dalam kitab ini terdapat sedikit *āthār mawqūf* yang memiliki begitu banyak faedah.”

Wajar jika Syeikh al-‘Allāmah Faḍlullāh al-Jaylānī (w. 1399 H.) dalam kata alu-aluan kitabnya *Faḍlullāh al-Ṣamad fī Tawdīḥ al-Adab al-Mufrad* mengiktiraf kitab *al-Adab al-Mufrad* sebagai salah satu himpunan kitab-kitab sunnah yang terunggul berkaitan adab nabawi (al-Jaylānī, 2022). Kitab *turāth* ini amat penting diterokai bagi mengetahui ketulenan adab Islam. Ekoran daripada itu, objektif utama artikel ini adalah untuk menganalisis bab pertama dalam kitab *al-Adab al-Mufrad*, iaitu firman Allah SWT dalam surah al-‘Ankabut [29] ayat 8 beserta sokongan daripada dua buah hadis berkaitan galakan Baginda SAW untuk berbakti kepada ibu bapa. Bagi menjayakan tujuan tersebut, penulis mengaplikasikan metode kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan dengan menghurai dan meneroka secara terperinci kedua-dua hadis terpilih berkaitan perintah berbuat baik kepada ibu bapa. Menerusi penjelasan secara objektif dan sistematis terhadap gabungan maklumat yang wujud secara tersurat dalam literasi kepustakaan didapati bahawa terdapat pelbagai hadis yang menekankan tentang penghormatan dan kebaktian kepada ibu bapa. Maka disimpulkan betapa pentingnya berbuat baik kepada ibu bapa sehingga dalam beberapa ayat, Allah SWT menggandingkan amalan berbakti kepada kedua ibu bapa dengan ayat mentauhidkan-Nya.

2. BIODATA IMAM AL-BUKHĀRĪ RAHIMAHULLAH

Abū ‘Abd Allāh Muḥammad ibn Ismā‘īl ibn Ibrāhīm ibn al-Mughīrah ibn Bardizbah al-Bukhārī atau lebih dikenali sebagai al-Bukhārī, dilahirkan pada hari Jumaat, 13 Syawal 194 H. atau 19 Julai 810 M. di Bukhara, Asia Tengah (sekarang di Uzbekistan) merupakan salah seorang *Amīr al-Mu‘minīn* (pemimpin mukminin) dalam bidang hadis (Aliyeva, 2020). Ayah al-Bukhārī wafat semasa beliau kecil, maka beliau menghabiskan zaman kanak-kanaknya bersama ibu dalam keadaan yatim (al-Bakrī, 2005).

Al-Bukhārī mempunyai perwatakan berumur, agak kurus dengan ketinggian sederhana (tidak tinggi atau pendek) (al-Khaṭīb al-Baghdādī, 2001). Beliau mula mempelajari hadis dan menghafalnya semenjak kanak-kanak (dalam lingkungan 10 tahun atau lebih muda). Pada usia 16 tahun, beliau sudah menghafal kitab karangan Ibn al-Mubārak dan Wakī‘ serta menguasai kalam mereka. Pada usia 18 tahun, Bukhārī mula menulis *al-Tārīkh al-Kabīr* (Sejarah Besar) yang membahaskan biografi keutamaan para sahabat dan tabiin serta perkataan-perkataan mereka (al-Bakrī, 2005).

Kembara ilmiah al-Bukhārī untuk mengumpulkan hadis bermula dengan ziarah ke Mekah kemudian menuju Mesir sehingga ke Merv di Asia Tengah (Maraoui, Haddar, & Romary, 2019), sehingga dalam tempoh 16 tahun al-Bukhārī telah berjaya menyusun *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ* (Koleksi Sahih) daripada 600,000 hadis yang dikuasai oleh beliau. Daripada jumlah ini, beliau hanya memilih sebanyak 7,275 yang diyakini sahih dan layak untuk dimasukkan ke dalam *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ* (al-Karboly, 2022). Kitab *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ* distrukturkan kepada 97 bab dan 3450 bahagian. Bab-bab tersebut mengandungi 7,563 hadis secara keseluruhan. Jumlah ini termasuk

hadis yang berulang. Apabila menepikan yang berulang, seperti yang dikatakan oleh al-Nawawī, ia termasuk 4,000 hadis, walaupun Ibn Hajar mengatakan bahawa dalam jumlah ini mengandungi 2,761 hadis (Maraoui, Haddar, & Romary, 2019).

Al-Bukhārī adalah sosok penyusun yang sangat teliti, menunjukkan sikap kritis yang hebat dalam pemilihan riwayatnya sebagai tradisi yang sahih (Pratiwi, 2018). Karya utamanya *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ* (Judul sebenar iaitu *al-Jāmi' al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar min Umūr Rasūlillāh SAW wa Sunanih wa Ayyāmih*) diterima oleh majoriti umat Islam sebagai kitab kedua yang paling benar selepas al-Quran sebagai sumber hukum dan karya suci agama (Bulai, Eva, & Rosu, 2016). Kriteria al-Bukhārī untuk menerima hadis ke dalam koleksinya adalah antara syarat yang diterima oleh ulama hadis. Setiap laporan dalam koleksinya telah disemak ketepatannya dengan al-Quran, dan kebenaran rantaian sanad perlu dipastikan dengan bersungguh-sungguh sehingga menjadikan koleksi khusus ini amat diminati oleh sarjana Islam (Deuraseh, 2006).

Dalam mencari ilmu, al-Bukhārī mengembara ke pelbagai daerah seperti Khurasan, kesuluruhan bandar di Iraq, Hijaz, Syam, dan Mesir (al-Khaṭīb al-Baghdādī, 2001). Beliau sudah berguru daripada lebih 1,000 orang syekh yang tiada satu pun hadis yang dikuasai melainkan beliau mampu menyebut rantaian sanadnya. Begitu juga dengan murid-murid beliau yang bilangan mereka sangat ramai. Bahkan Abū 'Alī Ṣāliḥ ibn Muḥammad al-Baghdādī yang turut sama menadah ilmu menukulkan bahawa ketika al-Bukhārī mengisi majlis di Baghdad didapati seramai lebih daripada 20,000 penuntut menghadirinya (al-Bakrī, 2005).

Satu aspek penting dalam kehidupan dan aktiviti saintifik al-Bukhārī ialah ulama besar ini tidak bertolak ansur dengan ketaksuban agama, batasan dalam kalangan dogmatik yang sempit, bidaah dan khurafat (Kamiljon, 2022). Beliau juga seorang ulama yang menjaga maruah dan kemuliaan ilmu. Menjelang akhir hayat, beliau terlibat dalam pertikaian dengan Amīr Khālīd ibn Aḥmad al-Dhuhaylī, Gabenor Bukhara ketika itu yang menyebabkan beliau dipaksa hidup dalam buangan di Khartank, sebuah kampung berhampiran Samarkand. Hal ini sebagaimana nukilan al-Khaṭīb al-Baghdādī (2001) terhadap riwayat Abū Said Bakr ibn Munīr ibn Khālīd ibn 'Askar berikut:

بعث الأمير خالد بن أحمد الذهلي والي بخارى إلى محمد بن إسماعيل أن أحمل إلى كتاب الجامع والتاريخ وغيرهما لأسمع منك فقال محمد بن إسماعيل لرسوله أنا أذل العلم ولا أحمله إلى أبواب الناس فإن كانت تلك إلى شيء منه حاجة فاحضرن في مسجدي أو في داري وإن لم يعجبك هذا فأنت سلطان فامنعي من المجلس ليكون لي عذر عند الله يوم القيامة لأني لم أكنم العلم ...

“Amīr Khālīd ibn Aḥmad al-Dhuhaylī, Gabenor Bukhara, mengutus utusan kepada al-Bukhārī untuk membawakan kepadanya kitab *al-Jāmi'*, *al-Tārikh* dan selainnya untuk didengarkan daripada beliau. Maka al-Bukhārī berkata kepada utusan tersebut: “Aku sekali-kali tidak akan menghinakan ilmu dan aku tidak akan membawanya masuk ke pintu-pintu manusia. Sekiranya beliau berhajat kepada ilmu hendaklah menghadiri masjidku atau rumahku. Sekiranya kamu tidak senang dengan perkara ini, maka anda sebagai Sultan yang boleh berkuasa menegah aku daripada mengadakan majlis pengajian supaya aku mempunyai keuzuran di sisi Allah SWT pada hari kiamat bahawa aku tidak menyembunyikan ilmu...”

Al-Bukhārī wafat pada Sabtu malam waktu solat Isyak bertepatan dengan malam hari raya Aidil Fitri 1 Syawal 256 H./31 Ogos 870 M. di Khartank wilayah Samarkand semasa berusia 62 tahun. Jenazah beliau dimakamkan selepas solat Zohor pada hari raya Aidilfitri (Ismaeel & Muhammed, 2022).

3. SELAYANG PANDANG KITAB *AL-ADAB AL-MUFRAD*

Lafaz adab dalam bahasa Arab tidak terdapat dalam al-Quran. Walau bagaimanapun, ia adalah istilah yang paling sering dikaitkan dengan wacana tentang tingkah laku yang boleh diterima dengan betul dalam kesusasteraan hadis. Al-Bukhārī yang kitab *Ṣaḥīḥnya* merupakan koleksi hadis yang paling dihormati dan berwibawa dalam kanun Sunni, bukan sahaja mendedikasikan satu bab daripada karya itu yang mengandungi lebih daripada 250 hadis berkaitan adab, tetapi beliau juga menerbitkan kitab khas mengenai topik tersebut, bertajuk *al-Adab al-Mufrad* yang mengandungi lebih daripada 1300 hadis (Musa, 2021).

Karya ini dinamakan sebagai *al-Adab al-Mufrad* untuk membezakannya dengan kitab *al-Adab* yang dimasukkan dalam kitab *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ*. Dengan begitu, *al-Adab al-Mufrad* merupakan kitab berasingan yang khusus berkaitan adab dengan kuantiti hadis berkaitan adab melebihi *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ*. Malah *al-Adab al-Mufrad* merupakan kitab yang unggul dari sudut kandungannya. Al-Bukhārī telah menghimpunkan hadis-hadis nabawi untuk mendidik akhlak, membetulkan niat, meluruskan perjalanan hidup dan adab secara umum. Namun pengarangnya tidak memilih hadis yang sahih sahaja dalam kitab ini sebagaimana yang dilakukan pada kitabnya *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ*. Kebanyakan hadis yang terdapat dalam *al-Adab al-Mufrad* ialah *al-āthār* sahih serta terdapat hadis daif dengan jumlah yang sedikit (al-Albānī, 1997). Ibn Hajar al-'Asqalānī menambahkan bahawa kitab *al-Adab al-Mufrad* merangkumi hadis-hadis sahih sebagai tambahan yang terdapat dalam *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ*. Dalam *al-Adab al-Mufrad* terdapat sedikit *al-āthār al-mawqūfah* namun mempunyai banyak faedah (Ibn Hajar al-'Asqalānī, 2001).

Asal usul penulisan kitab *al-Adab al-Mufrad* adalah kerana ketatnya pensyarahan daripada al-Bukhārī dalam memasukkan sebuah hadis ke dalam kitab *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ* sehingga beliau tidak mencantumkan hadis dan *athar* yang berkaitan dalam permasalahan adab dan akhlak. Sebagaimana diketahui dalam kitab *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ*, terdapat sebuah topik yang membahaskan tentang adab bertajuk *Kitab al-Adab* dengan urutan ke-78. Walau bagaimanapun, hadis dan *athar* lainnya yang terdapat dalam permasalahan adab dan akhlak sangat banyak dan mustahak untuk diketahui oleh kaum muslimin dalam penerapan sehari-hari tetapi ia tidak dimasukkan ke dalam *Kitāb al-Adab*. Maka al-Bukhārī memandang untuk menjadikan tema tersebut sebagai sebuah kitab tersendiri. Penyebutan hadis dan *athar* dapat dinyatakan secara meluas dan beliau tidak mensyaratkan status sahihnya sebuah hadis malah turut merekodkan hadis yang *ḥasan* dan daif. Justeru itu, sebagai aras perbezaan antara *Kitab al-Adab* dalam kitab *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ*, maka al-Bukhārī memberikan tambahan tajuk untuk kitab tersebut dengan perkataan *al-Mufrad* (yang tersendiri atau disendirikan) yang bermaksud kitab yang membahas tentang adab secara khusus berbanding kitab *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ* (Āli Ibrāhīm al-'Anqarī, 2019).

Perlu ditegaskan di sini bahawa al-Bukhārī tidak mensyaratkan hadis yang sahih di dalam kitabnya *al-Adab al-Mufrad* sebagaimana yang beliau syaratkan pada *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ*. Walaupun pada asalnya beliau tidak akan meriwayatkan melainkan hadis-hadis yang sahih atau hampir kedudukannya dengan sahih. Oleh yang demikian, apa yang beliau riwayatkan dalam kitab ini pada galibnya merupakan hadis-hadis yang kuat (*qawī*) (Muḥammad al-Sa'ad, 2019). Menurut al-Albānī (1997), kitab *al-Adab al-Mufrad* mengandungi hadis *al-marfū'* dan *al-āthār al-mawqūfah* berjumlah 1332 hadis selaras dengan penomboran yang dilakukan oleh Muḥammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī. Jumlah hadis sahih pula mencecah sebanyak 256 hadis mengikut penomboran beliau, dan sebahagiannya adalah berulang. Daripada jumlah ini, beliau tidak mendapati satu pun *al-āthār al-mawqūfah* melainkan yang dijadikan sebagai sokongan pada beberapa hadis *al-marfū'*. Maka, jumlah keseluruhan bab dalam *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ* adalah sebanyak 128 bab dan jumlah keseluruhan bab dalam *al-Adab al-Mufrad* adalah sebanyak 644 sebagaimana ditunjukkan pada Jadual 1.

Jadual 1

Perbandingan Jumlah Bab dan Hadis Kitab *al-Adab* dalam *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ* dan *al-Adab al-Mufrad*

Bil.		<i>Al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ</i>	<i>Al-Adab al-Mufrad</i>
1.	Bab	128	644
2.	Hadis	256	1332

Kedudukan kitab *al-Adab al-Mufrad* sebagai kitab kedua yang paling utama bagi al-Bukhārī disebabkan penekanannya terhadap setiap muslim yang mahu menghayati kehidupan Rasulullah SAW. Sehubungan dengan itu, Ishāq, seorang juru tulis 'Abdullah ibn 'Abd al-Raḥmān telah berkata, 'Abdullah (al-Dārimī) telah bertanya kepada saya tentang kitab *al-Adab* karangan Muḥammad ibn Ismā'īl (al-Bukhārī). Maka beliau berkata: "Bawakan kitab itu untuk saya menilainya." Lalu beliau mengambil kitab daripada saya dan menahan buku itu selama tiga bulan. Tatkala saya mengambil kitab itu daripadanya, saya bertanya: "Adakah tuan menjumpai sesuatu yang buruk atau hadis daif di dalamnya?" Beliau menjawab: "Ibn Ismā'īl tidak membaca kepada manusia melainkan hadis yang sahih. Adakah beliau mengingkari Nabi Muhammad SAW?!" (al-Dhahabī, 1983). Ia merupakan kitab yang lengkap dan merangkumi hadis-hadis tentang teladan Nabi SAW dalam akhlak dan adab sama ada melalui perkataan ataupun perbuatan, dan pelbagai perkara hukum dan doktrin agama seharian. Selain itu kitab ini mengandungi permasalahan ilmiah, kontemporari dan fiqah dengan penuh terperinci (Āli Ibrāhīm al-'Anqarī, 2019).

Syeikh Faḍl Allāh al-Jilānī al-Hindī, Profesor di Universiti ‘Uthmāniyyah Hyderabad, menyanjung kitab ini dengan berkata: “Sesungguhnya kitab *al-Adab al-Mufrad* karya *Amīr al-Mu’minīn fī al-Ḥadīth*, pakar ilmu ‘Ilal bagi generasi terdahulu dan sekarang, penjaga Islam dan umat Islam, guru kepada sekalian fuqaha dan ahli hadis, seorang imam yang besar kekuatannya, Abū ‘Abdillāh Muḥammad ibn Ismā‘īl al-Bukhārī. Semoga Allah SWT mengurniakan keistimewaan yang berterusan kepadanya melalui usaha yang besar manfaatnya. Meskipun kecil saiznya, namun sarat dengan ilmu yang ditemui seumpamanya. Karya ini mengandungi adab-adab yang terpuji dan akhlak-akhlak yang sempurna, diambil daripada penghulu sekalian nabi, generasi terbaik para sahabat yang agung dan generasi yang mengikuti mereka daripada kalangan ulama yang bertakwa. Ia merupakan karya paling baik yang pernah ditulis, karya paling teliti yang pernah disusun, karya paling kukuh yang pernah dibina, karya paling wajar diminati dan diberikan tumpuan. Namun penuntut ilmu tidak mengenali kedudukannya dengan hanya sekilas pandangan, sekali pun ia merupakan seorang yang pintar dan cerdas. Alangkah sedikitnya golongan yang memetik hikmah yang tinggi dan permata bernilai yang terdapat di dalamnya melainkan sesiapa yang mencurahkan segala usaha bersungguh-sungguh dan menempuh kajian terhadap *rijāl* yang terdapat dalam sanadnya, memahami matan-matan hadisnya, membacanya berulang kali dan membuat kajian yang sangat mendalam. Sesiapa yang tidak dapat memerhatikannya secara mendalam, maka janganlah berhenti pada kedudukannya, sekali pun dia perlu menumpukan pandangan padanya.” (al-Hindī, 1958).

Rumusnya, jika dilihat keseluruhan perbincangan berkaitan kitab *al-Adab al-Mufrad*, maka didapati kitab ini adalah antara sebaik-baik kitab yang membahaskan akhlak dan adab yang memerlukan setiap muslim wajib untuk bersifat dengannya. Al-Bukhārī Rahimahullah mengumpulkan hadis-hadis sahih dan *athar* yang berkaitan dari para sahabat dan tabiin. Kitab *al-Adab al-Mufrad* memiliki keistimewaan yang telah disebutkan oleh para ulama kerana memiliki banyak faedah. Kitab *al-Adab al-Mufrad* mengandungi perbincangan antaranya berbakti kepada ibu bapa, menyambung tali silaturrahim, hak dan kewajipan anak, jiran tetangga, anak yatim, dan sebagainya.

4. ANALISIS SURAH AL-‘ANKABŪT [29] AYAT 8

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Siasatan, Seksual, Wanita dan Kanak-kanak (D11) Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Asisten Komisioner Polis, Siti Kamsiah Hassan berkata, berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), kes penderaan anak terhadap ibu bapa mencatatkan peningkatan sehingga 20 peratus berbanding sebelum ini. Menurut beliau, desakan kewangan dan penyalahgunaan dadah antara faktor utama peningkatan kes dera ibu bapa oleh anak sendiri sewaktu tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dari Mac hingga Mei pada tahun 2020 lalu. Siasatan mendapati kebanyakan kes melibatkan anak yang menganggur dan berusia 30 hingga 38 tahun (Abd Halim, 2020). Perkara ini sepatutnya tidak berlaku kerana kewajipan anak adalah menjaga orang yang telah melahirkan serta membesarkan mereka sehingga ke akhir hayat tidak boleh dikompromi, dan semestinya tiada seorang pun yang tidak faham tanggungjawab ini. Malangnya, walaupun semua sedar kewajipan itu, kes pengabaian ibu bapa semakin meningkat. Sehubungan dengan itu, Allah SWT berfirman dalam surah al-‘Ankabūt [29] ayat 8 berkaitan kewajipan manusia untuk berbuat baik kepada ibu bapa:

﴿وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حُسْنًا وَإِنْ جَاهَدَاكَ لِتُشْرَكَ بِي مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ فَلَا تُطِعْهُمَا إِلَيَّ مَرْجِعُكُمْ فَأُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾

Maksudnya:

Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; dan jika mereka berdua mendesakmu supaya engkau mempersekutukan Daku (dalam ibadatmu) dengan sesuatu yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya, maka janganlah engkau taat kepada mereka. Kepada Akulah tempat kembali kamu semuanya, kemudian Aku akan menerangkan kepada kamu segala yang kamu telah kerjakan.

Ayat ini diturunkan berkaitan kisah Sa‘ad ibn Abi Waqqāṣ RA dengan ibunya Ḥammah binti Sufyān bin ‘Umayyah yang bersumpah tidak akan bercakap dengan Sa‘ad selama-lamanya sehingga beliau bersedia kufur daripada agama Islam. Ibunya juga mendakwa bahawa Allah SWT telah menyuruh Sa‘ad supaya berbuat baik kepada ibu bapa. Dalam hal ini, Ḥammah ialah ibunya dan menyuruh Sa‘ad keluar daripada Islam.

Muhammad ibn 'Alī al-Wāḥidī (w. 468 H.) menukilkan riwayat ini dalam kitabnya *Asbāb Nuzūl al-Qur'ān* (Al-Wāḥidī, 2005):

حَدَّثَنِي مُصْعَبُ بْنُ سَعْدِ بْنِ أَبِي وَقَّاصٍ ، عَنْ أَبِيهِ ، أَنَّهُ قَالَ : نَزَلَتْ هَذِهِ الْآيَةُ فِيَّ ، قَالَ : حَلَفْتُ أَمْ سَعْدٍ لَأَكْفُرَهُ أَبَدًا حَتَّى يَكْفُرَ بِيَدِيهِ ، وَلَا تَأْكُلُ ، وَلَا تَشْرَبُ ، وَمَكَثْتُ ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ حَتَّى غُشِيَ عَلَيْهَا مِنَ الْجَهْدِ ، فَأَنْزَلَ اللَّهُ تَعَالَى : (وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حُسْنًا)

“Telah menceritakan kepadaku Mus'ab ibn Sa'ad ibn Abi Waqqāṣ daripada ayahnya yang telah berkata: “Ayat ini telah diturunkan kepadaku.” Beliau berkata: “Ibu Sa'ad telah bersumpah tidak bercakap dengannya selamanya sehingga dia kufur daripada agamanya. Begitu juga tidak akan makan dan minum. Perkara tersebut berlarutan selama tiga hari sehingga ibunya merasa kepayahan. Maka Allah SWT menurunkan {Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya} (al-'Ankabūt ayat 8).”

Abū al-Fiḍā' 'Imād ad-Dīn Ismā'īl ibn 'Umar ibn Kathīr al-Qurashī al-Damishqī, atau lebih dikenali sebagai Ibn Kathīr (701/1301-774/1374) ketika mentafsirkan surah al-'Ankabūt ayat 8 ini telah menekankan kepentingan berbakti kepada ibu bapa disebabkan kewajipan itu ialah susulan daripada tanggungjawab mengesakan Allah SWT. Ibn Kathīr (1999: 264) berkata:

يقول تعالى أمرا عباده بالإحسان إلى الوالدين بعد الحث على التمسك بتوحيده ، فإن الوالدين هما سبب وجود الإنسان ، ولهما عليه غاية الإحسان ، فالوالد بالإنفاق والوالدة بالإشفاق .

“Allah SWT berfirman dengan memerintahkan hamba-hamba-Nya untuk berbuat baik kepada ibu bapa, setelah menggesa untuk berpegang teguh dengan tauhid. Maka sesungguhnya ibu bapa adalah penyebab kewujudan seseorang. Kepada kedua-duanya seseorang diharuskan berbuat baik. Adapun ayah diwajibkan memberi nafkah dan ibu mengasuh dengan kasih sayang (kepada anaknya).”

Terkandung dalam wasiat ini tanggungjawab untuk menaruh rasa hormat, memperlakukan dengan kasih sayang dan bersikap baik kepada ibu bapa sebagai imbalan kebaikan kedua-duanya seperti yang telah disebutkan (memberi nafkah dan mengasuh) (Ibn Kathīr, 1994). Menurut HAMKA, wasiat yang berasal daripada Tuhan ia bermaksud perintah arahan. Tuhan mewajibkan dan memerintahkan kepada manusia untuk berbuat baik kepada ibu bapa kerana kedua-duanya sebagai asal usul kejadian manusia. Menerusi perantaraan mereka, Allah SWT menghadirkan manusia ke dunia ini. Ayah mencari segala keperluan hidup, manakala ibu mengasuh dan menjaga di rumah (HAMKA, 1981). Dalam gugusan berbuat ihsan kepada ibu bapa terhimpun adab bergaul dengan makruf, merendah diri, melaksanakan suruhan, berdoa untuk keampunan setelah kedua-duanya meninggal dunia dan menghubungkan silaturrahim kepada ahli keluarga yang turut kedua-dua mengasihinya (al-Qurtubī, 2013; al-Ṭabarī, t.th.).

Abū 'Abdillāh 'Abd al-Raḥmān ibn Nāṣir ibn 'Abdillāh ibn Nāṣir al-Sa'dī atau popular dengan nama al-Sa'dī (1307/1889-1376/1957) menambahkan bentuk pembaktian kepada ibu bapa dengan ucapan dan amalan malah dituntut untuk kekal melestarikannya tanpa menderhaka dan menyakiti kedua-duanya (al-Sa'dī, 1988). Pentafsiran ini disokong oleh M. Qurasih Shihab (l. 1944), pengarang *Tafsir al-Mishbah*, dengan menukil pandangan Abu al-Qāsim al-Ḥusayn ibn Muḥammad ibn al-Mufaḍḍal, atau dikenali sebagai al-Rāghib al-Iṣfahānī (w. 502/1108) yang mentakrifkan lafaz *husnan* dalam ayat ini bahawa ia merangkumi segala sesuatu yang menggembirakan dan disukai. Perkataan *ḥasanah* digunakan untuk menunjukkan apa yang membahagiakan manusia kerana mendapat nikmat sama ada berkaitan dengan jiwa atau jasmani serta pelbagai keadaannya. Menurut Shihab (2011), bakti atau berbuat baik kepada ibu bapa adalah bersikap sopan santun kepada kedua-duanya dalam ucapan dan perbuatan sesuai dengan adat kebiasaan masyarakat sehingga mereka merasa suka kepada anak. Termasuk dalam makna bakti adalah mencukupkan segala keperluan hidup mereka yang sah dan wajar mengikut kemampuan anak.

Daripada pentafsiran mufasirin tersebut di atas membuktikan bahawa berbakti kepada ibu bapa merangkumi adab bergaul mesra, berkata baik, merendah diri kepada kedua-duanya yang menyerlah daripada perasaan kasih sayang, melakukan apa yang disuruh (kecuali dalam perkara maksiat) dan menjauhi perkara

yang ditegah oleh kedua-duanya, berdoa meminta kebaikan khususnya setelah kedua-duanya meninggal dunia, menghubungkan tali silaturahmi kepada keluarga yang disayangi oleh kedua-duanya, dan sebagainya. Selain daripada surah al-‘Ankabūt ayat 8 ini, penulis turut mendapati dua surah lain yang menggunakan frasa ayat *wa waṣṣaynā al-insāna bi wālidayhi* (Dan Kami wajibkan manusia kepada kedua ibu bapanya) sebagaimana ditunjukkan pada Jadual 2. Statistik ini membuktikan betapa al-Quran amat menitikberatkan perkara berkaitan berbakti kepada ibu bapa.

Jadual 2

Ayat *Wa Waṣṣaynā al-Insāna bi Wālidayhi* dalam al-Quran

Bil.	Surah	Nombor Ayat	Frasa Ayat
1.	Al-‘Ankabūt [29]	8	<i>Wa waṣṣaynā al-insāna bi wālidayhi ḥusnan</i>
2.	Luqmān [31]	14	<i>Wa waṣṣaynā al-insāna bi wālidayhi ḥamalathu ummuh wahnān ‘alā wahn...</i>
3	Al-Aḥqāf [46]	15	<i>Wa waṣṣaynā al-insāna bi wālidayhi ḥsānan</i>

Sehubungan dengan surah al-‘Ankabūt ayat 8 ini, al-Bukhārī dalam kitab *al-Adab al-Mufrad* menjadikannya sebagai judul pada bab pertama yang mengandungi dua buah hadis berkaitan galakan Baginda SAW untuk berbuat baik kepada ibu bapa:

عَنْ أَبِي عَمْرٍو الشَّيْبَانِيِّ يَقُولُ: حَدَّثَنَا صَاحِبُ هَذِهِ الدَّارِ، وَأَوْمَأَ بِيَدِهِ إِلَى دَارِ عَبْدِ اللَّهِ، قَالَ: سَأَلْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَيُّ الْعَمَلِ أَحَبُّ إِلَى اللَّهِ تَعَالَى قَالَ: الصَّلَاةُ عَلَى وَفَيْهَا، قُلْتُ: ثُمَّ أَيُّ؟ قَالَ: ثُمَّ بِرُّ الْوَالِدَيْنِ، قُلْتُ: ثُمَّ أَيُّ؟ قَالَ: ثُمَّ الْجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ. قَالَ: حَدَّثَنِي بِهِنَّ، وَلَوْ اسْتَرَدَدْتُهُ لَزَادَنِي.

[al-Bukhārī, *Kitāb al-Adab al-Mufrad*, No. 1, Sahih]

Maksudnya:

“Daripada Abū ‘Amr al-Shaybānī berkata: “Telah menceritakan kepada kami pemilik rumah ini -sambil memberikan isyarat dengan tangannya ke rumah ‘Abdullah- beliau berkata, “Aku bertanya kepada Nabi SAW, “Apakah perbuatan yang paling dicintai Allah SWT? Nabi SAW menjawab, “Solat pada waktunya.” Kemudian aku bertanya lagi, lalu apa? Rasulullah SAW menjawab, “Kemudian berbuat baik kepada ibu bapa.” Aku kembali bertanya, “Lalu apa? Rasulullah SAW menjawab, “Kemudian berjihad di jalan Allah SWT.” ‘Abdullah berkata, “Rasulullah SAW menerangkan perkara tersebut kepadaku. Sekiranya aku meminta tambahan kepadanya, nescaya Baginda SAW akan menambah untukku.”

Menerusi hadis ini, Rasulullah SAW menyebut solat sebagai amalan pertama yang disukai oleh Allah SWT kemudian berbakti kepada ibu bapa sebagai amalan kedua yang dicintai-Nya. [Ibn Hajar al-‘Asqalānī \(2005\)](#) menghuraikan bahawa sebahagian ulama berkata tentang hadis ini sesuai dengan firman Allah SWT (surah Luqmān [31] ayat 14) {(dengan yang demikian) bersyukurlah kepada-Ku dan kepada kedua ibu bapamu}. Seolah-olah hal itu diambil daripada pentafsiran Ibn ‘Uyainah yang berkata: “Sesiapa solat lima waktu, maka ia telah berterima kasih kepada Allah SWT. Barang siapa berdoa untuk ibu bapanya selepas solat, maka ia telah berterima kasih kepada kedua-duanya.” [Ibn Hajar al-‘Asqalānī \(2005\)](#) menambahkan pengajaran yang dipetik daripada hadis tersebut dengan menukil pandangan Ibn Bazīzah:

قَالَ ابْنُ بَرِيْزَةَ : الَّذِي يَمْتَصِيهِ النَّظَرُ تَقَدَّمَ الْجِهَادُ عَلَى جَمِيعِ أَعْمَالِ الْبَدَنِ ؛ لِأَنَّ فِيهِ بَدَلَ النَّفْسِ ، إِلَّا أَنْ الصَّبْرَ عَلَى الْمُحَافَظَةِ عَلَى الصَّلَوَاتِ وَأَدَائِهَا فِي أَوْقَاتِهَا وَالْمُحَافَظَةَ عَلَى بِرِّ الْوَالِدَيْنِ أَمْرٌ لَزِمٌ مُتَكَرِّرٌ دَائِمٌ لَا يَصْبِرُ عَلَى مُرَاقَبَةِ أَمْرِ اللَّهِ فِيهِ إِلَّا الصَّادِقُونَ ، وَاللَّهُ أَعْلَمُ.

“Perkara penting untuk diperhatikan adalah mendahulukan jihad daripada semua amal perbuatan yang bersifat badaniah, kerana dalam jihad terdapat unsur mengeluarkan segala kemampuan jiwa. Melainkan sabar untuk menjaga dan melaksanakan solat pada waktunya serta berbuat baik kepada ibu bapa sebagai kewajipan yang mesti sentiasa dijalankan dan

berulang-ulang. Hanya orang yang jujur yang mampu melaksanakannya di bawah pengawasan Allah SWT.”

Berkaitan dengan berbuat baik kepada ibu bapa, maka dalam bab *wa waṣṣaynā al-insāna bi wālidayhi ḥusnā*, al-Bukhārī memasukkan hadis kedua yang menekankan tentang kepentingan restu dan reda ibu bapa dalam kehidupan seseorang muslim sebagai punca untuk mendapatkan keredaan Allah SWT, sebagaimana *athar* berikut:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ قَالَ: رِضَا الرَّبِّ فِي رِضَا الْوَالِدِ، وَسَخَطُ الرَّبِّ فِي سَخَطِ الْوَالِدِ .

[al-Bukhārī, *Kitāb al-Adab al-Mufrad*, No. 2, *Ḥasan*]

Maksudnya:

“Daripada ‘Abdullah ibn ‘Umar RA telah berkata, “Reda Tuhan terletak pada reda ibu bapa dan kemurkaan Tuhan terletak pada kemurkaan kedua-duanya.”

Jika dirumuskan daripada perbincangan ayat al-Quran dan hadis di atas, Allah SWT menyuruh manusia untuk berbuat baik kepada ibu bapa menyusul selepas arahan mentauhidkan-Nya. Perkara yang sama diulang juga di dalam beberapa surah seperti al-Baqarah [2] ayat 83, al-Nisā’ [4] ayat 36, al-An‘ām [6] ayat 151, al-Isrā’ [17] ayat 23 & 24, Maryam [19] ayat 14 & 32, Luqmān [31] ayat 14 & 15, dan al-Aḥqāf [46] ayat 15. Pada ayat-ayat ini, arahan berbuat baik kepada ibu bapa menyusul selepas mentauhidkan Allah SWT dalam melakukan ibadah kepada-Nya, ia menunjukkan tuntutan yang merujuk kepada kewajipan melakukan kebaikan kepada ibu bapa. Selain itu, menerusi penerokaan ayat al-Quran dan hadis yang menunjukkan perintah berbuat baik kepada ibu bapa ia adalah kekal relevan dan tetap dinilai sebagai kewajipan, walaupun mereka berdua tidak beragama Islam dan berusaha bersungguh-sungguh hendak memurtadkan si anak. Dalam keadaan ini, seorang anak hanya diminta untuk tidak mentaati mereka dalam perkara syirik, namun dia tetap juga wajib berinteraksi dengan mereka secara baik. Jika demikian keadaannya, sudah semestinya berbuat baik kepada ibu bapa yang muslim lebih utama walaupun mereka berada dalam serba kekurangan dari segi pengetahuan agama dan kewangan.

5. KESIMPULAN

Kebanyakan hadis yang terdapat dalam *al-Adab al-Mufrad* merupakan hadis yang sahih, *thābit* dan *maḥfūz*. Meskipun terdapat hadis yang daif, tetapi jumlahnya sedikit dan bukan dalam katogeri hadis yang sangat lemah (*daif jiddan*). Oleh yang demikian, ia sama sekali tidak mencalarakan kewibawaan dan ketinggian kitab *al-Adab al-Mufrad*. Bahkan dalam perkara adab dan *al-Tarhib wa al-Tarhib*, (galakan dan ancaman) ulama hadis kontemporari mengharuskan *tasāhul* dalam meriwayatkannya.

Adapun pada bab *Wa Waṣṣaynā al-Insāna Bi Wālidayhi Ḥusnā* didapati kedua-dua hadis yang direkodkan oleh al-Bukhārī berstatus *Ṣaḥīḥ* dan *Ḥasan*. Hasil perbincangan melalui perbincangan hadis-hadis terpilih berkaitan tanggungjawab berbakti kepada ibu bapa dapat difahami bahawa kewajipan ini menduduki carta kedua selepas individu muslim mengesakan Allah SWT sahaja tanpa mesyirikkan-Nya. Dapatan ini menunjukkan bahawa berbuat ihsan kepada ibu bapa merupakan suatu adab yang sangat penting. Namun begitu, ketaatan kepada ibu bapa tidak boleh mendahului hak Allah SWT seperti desakan kepada anak mereka supaya melakukan perbuatan syirik. Maka, ketaatan perlu diukur hanya kepada perkara makruf dan tiada kompromi dalam perkara maksiat kepada Allah SWT.

Penulis bersetuju dengan cadangan supaya diwujudkan undang-undang yang mengenakan hukuman lebih tegas ke atas anak yang sengaja mengabaikan atau mendera ibu bapa mereka secara emosi. Hukuman ini termasuklah terhadap anak yang meninggalkan ibu bapa mereka bersendirian atau di rumah orang tua. Keadaan ini berlaku mungkin berpunca daripada perubahan sosiodemografi. Kebanyakan anak kini tinggal berjauhan dari ibu bapa, anak-anak bekerja di bandar, manakala ibu bapa pula tinggal di kampung. Meskipun tinggal berdekatan, kesibukan mengejar tuntutan kerjaya dan ekonomi menyebabkan lupa dan mengabaikan kewajipan terhadap ibu bapa mereka yang uzur. Terdapat juga kes pengabaian berlaku semata-mata disebabkan ketidaksefahaman anak-anak dalam penggiliran mereka menjaga ibu bapa. Diakui sekarang ini sudah ada undang-undang di bawah Kanun Keseksaaan yang boleh mengenakan tindakan terhadap anak yang mendera ibu atau bapa mereka, tetapi ia lebih membabitkan penderaan fizikal. Namun yang sering berlaku kini adalah penderaan yang bersifat emosi dan inilah yang perlu diberikan perhatian. Dalam hal ini penulis amat

menyambut baik kesediaan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk mengkaji dan mewujudkan undang-undang khas khusus tersebut.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan kewangan atau bukan kewangan dalam perkara atau bahan yang dibincangkan dalam artikel ini.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Islam Selangor (UIS) atas sokongan yang berharga sepanjang proses penyelidikan dijalankan.

SUMBANGAN PENULIS

Artikel ini adalah hasil sumbangan saintifik yang signifikan dalam penyelidikan yang dilakukan oleh tiga pengarang. Abur Hamdi Usman mengumpul dan menganalisis data. Mohd Norzi Nasir melakukan semakan dan penyuntingan. Mutsalim Khareng memastikan metodologi yang digunakan adalah sesuai dan mencapai objektif penulisan.

RUJUKAN

- Abd Halim, N. H. (2020, July 23). Kes dera ibu bapa naik 20% musim PKP. *Utusan Malaysia*. Diperolehi daripada <https://www.utusan.com.my/nasional/2020/07/kes-dera-ibu-bapa-naik-20-musim-pkp/>.
- Abd Majid, M., Usman, A. H., Azizan, N. I., Haridi, N. H. M., Mohamad, N., Ismail, Z., & Rahman, A. H. A. (2023). Pembangunan jati diri insan menurut perspektif hadis. *HADIS*, 13(26), 38-50. <https://doi.org/10.53840/hadis.v13i26.230>.
- Abd. Rahman, K. A., & Ismail, I. (2020). Analisis naratif fasa kehidupan Miskawayh (932-1030 M). *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 5(1), 234–243. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v5i1.81>.
- Al-Albānī, M. N. (1997). *Ṣaḥīḥ al-Adab al-Mufrad li al-Imām al-Bukhārī*. Riyadh, KSA: Maktabah al-Dalīl.
- Āli Ibrāhīm al-‘Anqarī, A. A. (2019). Muqaddimah. Dlm. Al-Bukhārī, M. I. I. *Al-Adab al-Mufrad* (hlm. 11). Riyadh, KSA: Dār Aṭlas al-Khadrā’.
- Aliyeva, N. (2020). The sultan of hadith scientists-imam al-Bukhari. *JournalNX*, 6(10), 281-284. Diperolehi daripada <https://www.neliti.com/publications/335785/the-sultan-of-hadith-scientists-imam-al-bukhari>.
- Al-Bakrī, A. A. R. (2005). Al-Muqaddimah. Dlm. Al-Bukhārī, M. I. I. *Al-Adab al-Mufrad* (hlm. 3). Kaherah, Mesir: Dār al-Salām.
- Al-Bukhārī, M. I. I. (2019). *Al-Adab al-Mufrad*. Riyadh, KSA: Dār Aṭlas al-Khadrā’.
- Bulai, M., Eva, M., & Rosu, L. (2016). Analysis of tourism features and development strategy for memorial complex “Imam Al Bukhari Mausoleum”, Samarkand region, Uzbekistan. *Tékhne*, 14(2), 134-143. <https://doi.org/10.1016/j.tekhne.2016.11.001>.

- Dahlan, R., & Hamzah, M. I. (2023). Punca pengabaian warga emas di Malaysia. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 3(4), 29-36. Diperolehi daripada <https://jurnal.nung.com/index.php/qalam/article/view/199>.
- Deuraseh, N. (2006). Health and medicine in the Islamic tradition based on the book of medicine (Kitab Al-Tibb) of Sahih Al-Bukhari. *Jishim*, 5, 2-14. Diperolehi daripada <https://e-ilami.unissa.edu.bn:8443/handle/20.500.14275/1160>.
- Al-Dhahabī, S. M. (1983). *Siyar A'lām al-Nubalā'*. Jil. 12. Beirut, Lebanon: Mu'assasah al-Risālah.
- HAMKA. (1981). *Tafsir al-Azhar*. Jil. 20. Surabaya, Indonesia: Yayasan Latimojong.
- Al-Hindī, F. J. (1958). *Faḍl Allāh al-Ṣamad fī Tawḍīḥ al-Adab al-Mufrad*. Kaherah, Mesir: al-Salafiyyah.
- Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, I. H. (2001). *Fath al-Bārī: Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Jil. 10. Riyadh, KSA: Maktabah Mālik al-Fahd al-Waṭaniyyah.
- Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, I. H. (2005). *Fath al-Bārī: Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Jil. 2 & 13. Beirut, Lebanon: Dār al-Ṭayyibah.
- Ibn Kathīr, A. F. I. (1999). *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*. Jil. 6. Riyadh, KSA: Dār al-Ṭayyibah.
- Ismaeel, M., & Muhammed, I. (2022). Ethics of dealing with the neighbor striving for the widow and providing for the orphan in the prophet hadiths/book (al-Adab) from sahih al-Bukhari/model. *Journal of Garmian University*, 9(1), 215-224. <https://doi.org/10.24271/jgu.2022.151711>.
- Al-Jaylānī, F. S. (2022). *Faḍlullāh al-Ṣamad fī Tawḍīḥ al-Adab al-Mufrad*. Jil. 1. Beirut, Lebanon: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Kadir, M. N. A., Sai, M. M., & Majid, L. A. (2013). Metodologi dakwah kepada ibu bapa bukan Muslim berdasarkan kisah nabi Ibrahim AS. *Islāmiyyāt: International Journal of Islamic Studies*, 35(2), 57-66. Diperolehi daripada <https://journalarticle.ukm.my/6882/1/4325-10062-1-SM.pdf>.
- Kamiljon, N. (2022). Muhammad Ismail al-Bukhari and Abu Nasr: The moral significance of Al-Farabi's heritage. *Asian Journal of Technology & Management Research (AJTMR)*, 12(1), 143-146. Diperolehi daripada https://ajtmr.com/papers/Vol12Issue1/Vol12Iss1_P5.pdf.
- Al-Karboly, M. H. A. (2022). Muhammad bin Ismail al-Bukhari from the book Asma al-Rijal in the narrators of the companions of hadith written by/Sharaf Al-Din Al-Hussein bin Muhammad bin Abdullah Al-Taybi He died in the year 743 AH/1342 AD. *Iklīl for Humanities Studies*, 3(1), 23-47.
- Al-Khaṭīb al-Baghdādī, A. B. A. (2001). *Tārīkh Madīnah al-Salām wa Akhbār Muḥaddithihā wa Dhikr Quṭṭānihā al-'Ulamā' min Ghayr Ahlihā wa Wāridihā*. Jil. 2. Beirut, Lebanon: Dār al-Gharb al-Islāmī.
- Khan, F. (2009). Maulana Thanawi's fatwa on the limits of parental rights over children. Dlm. B. D. Metcalf (Pnyt.), *Islam in South Asia in Practice*, 305-316. Princeton, New Jersey: Princeton University Press.
- Mamat, M. A. (2019). Perkembangan penulisan karya Adab al-'Ālim oleh sarjana Islam: Satu sorotan ke arah penentuan sumber kepada etika profesion perguruan dalam Islam. *Abqari Journal*, 18(1), 60-80. <https://doi.org/10.33102/abqari.voll8no1.157>.
- Maraoui, H., Haddar, K., & Romary, L. (2019). Segmentation tool for hadith corpus to generate TEI encoding. In Hassanien, A., Tolba, M., Shaalan, K., Azar, A. (eds). *Proceedings of the International Conference on Advanced Intelligent Systems and Informatics 2018* 4 (pp. 252-260). Springer International Publishing. https://doi.org/10.1007/978-3-319-99010-1_23.

- Mat Salleh, H., Mat Hussin, M., & Hj Abdullah, R. (2022). The protection of senior citizens' rights in Malaysian legislation. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 34(1), 1-22. [https://doi.org/10.37052/kanun.34\(1\)no1](https://doi.org/10.37052/kanun.34(1)no1).
- Muhammad al-Sa'ad, A. A. (2019). Muqaddimah. Dlm. Al-Bukhārī, M. I. I. *Al-Adab al-Mufrad* (hlm. 17) Riyadh, KSA: Dār Aṭlas al-Khaḍrā'.
- Musa, A. Y. (2021). Considerations in hadith and Qur'an: Text and interpretation in a study of civility. Dlm. M. Milani & V. Adrahtas (Pnyt.). *Islam, Civility and Political Culture*. Cham, Switzerland: Palgrave Macmillan.
- Al-Nawawī, A. Z. M. (1996). *Sharḥ al-Nawawī 'alā Muslim*. Jil. 16. Beirut, Lebanon: Dār al-Khayr.
- Pratiwi, S. (2018). Person deixis in English translation of summarized shahih al-Bukhari hadith in the book of as-Salat. *Advances in Language and Literary Studies*, 9(1), 40-43. <https://doi.org/10.7575/aialc.all.v9n.1p.40>.
- Al-Qurṭubī, A. A. M. (2013). *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān*. Jil. 1. Beirut, Lebanon: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Sa'dī, 'A. R. (1988). *Taysīr al-Karīm al-Raḥmān fī Tafsīr Kalām al-Mannān*. Riyadh, KSA: Maktabah al-'Abīkān.
- Salleh, H. M., Abdullah, R., & Hussin, M. N. M. (2021). Faktor-faktor pengabaian terhadap warga tua di Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 4(2), 70-84. Diperolehi daripada <https://bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/186/618>.
- Samudin, S. A., & Bakar, A. A. (2023). Penderaan dan pengabaian warga emas: Kajian menurut undang-undang di Malaysia. *Journal of Shariah Law Research*, 8(2), 121-142. Diperolehi daripada <https://ajba.um.edu.my/index.php/JSLR/article/view/49065>.
- Shihab, M. Q. (2011). *Tafsir al-Mishbah: Pesan, kesan dan keserasian al-Qur'an*. Jil. 10. Jakarta, Indonesia: Lentera Hati.
- Al-Ṭabarī, A. J. (t.th.). *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl Āyi al-Qur'ān*. Jil. 2. Kaherah, Mesir: Maktabah Ibn Taimiyyah.
- Al-Wāḥidī, M. A. (2005). *Asbāb Nuzūl al-Qur'ān*. Riyadh, KSA: Dār al-Īmān.
- Wazir, R., Usman, A. H., Salleh, N. M., Sudi, S., Awang, A. H., & Rosman, S. (2020). Pencegahan dadah golongan berisiko menurut pendekatan psikospiritual al-Ghazālī (W. 505 H.). *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 5(2), 391-403. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v5i2.91>.

Disclaimer

The views expressed in this article are those of the author. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues* shall not be liable for any loss, damage or other liability caused by / arising from the use of the contents of this article.

